

06/12/1998

Kikis budaya kerja cincai

LANGKAWI: Rakyat perlu mengikis sikap melakukan kerja sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh kerana ia boleh menjejaskan apa juga kerja yang dibuat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

"Ini bukan secara `cincai-cincai'. Kita kena buat kerja dengan cukup tertib, mengikut aturan dan tidak sama sekali membenarkan diri kita menerima prestasi yang tidak secukupnya.

"Kita mesti sanggup mengurus kerja kita dengan cukup tertib dan jaga 100 peratus kehendak penggunaan pesawat," katanya sambil menjelaskan pesawat penerbangan memerlukan satu komitmen berbanding jentera yang digunakan di daratan atau laut.

Berucap merasmikan Karnival Udara Langkawi '98 (LAC 98) di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini, Dr Mahathir berkata, pesawat perlu dijaga dengan baik kerana sebarang kerosakan jika berlaku boleh membawa maut kepada juruterbang.

LAC 98, pameran dan pertunjukan pesawat ringan, anjuran Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Kelab Rekreasi Udara Langkawi. Karnival itu membabitkan 74 pesawat serta 200 juruterbang.

"Sebenarnya sesuatu negara tidak boleh dikatakan maju sehingga ia menguasai kecekapan untuk memperbaiki dan menyenggara serta membuat pesawat.

"Kita mungkin tidak percaya yang kita mempunyai kebolehan sendiri tetapi sekarang jelas, kita juga boleh membuat pesawat terbang. Walaupun tidak sebesar Boeing 747 tetapi semua bermula dari kecil kalau kita tunjuk minat yang berterusan dalam bidang ini," katanya.

Beliau berkata, jika rakyat sudah dapat membentuk budaya yang membolehkan mereka menyenggara dan membina serta menerbangkan pesawat terbang, beliau yakin rakyat boleh berjaya dalam bidang lain.

Perdana Menteri kemudian merenjis air mawar kapal layar `Jalur Gemilang' di Tanjung Malai di sini. Kapal itu akan digunakan oleh anak jati Perlis, Azhar Mansor, 40, dalam pelayaran solo mengelilingi dunia sejauh 40,000 kilometer akhir Januari depan.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir mahu rakyat melakukan kegiatan positif yang mampu meningkatkan imej sekali gus membangunkan rakyat serta menguntungkan negara.

Sebaliknya beliau berharap rakyat tidak melakukan sesuatu yang negatif sehingga memberi imej buruk kepada negara seperti perhimpunan haram yang hendak menjatuhkan kerajaan.

Menurutnya, ada sebahagian rakyat dan pihak media tidak berminat terhadap kegiatan yang positif tetapi lebih cenderung melakukan perkara negatif yang memburukkan imej negara.

"Apabila buat usaha macam ini (kegiatan positif) kebanyakan kita tidak minat. Tetapi kalau Azhar (pelayar Jalur Gemilang) duduk di jalan raya dan gawang (rentang) kain suruh jatuhkan kerajaan, saya agak yakin media ambil gambar dan siar keesokan harinya.

"Orang berkorban tetapi kita tidak ambil perhatian langsung kejayaan orang. Kalau nampak yang nak buruk sikit kepada negara, ambil perhatian tapi yang ini tidak berminat.

"Saya minta maaf kerana agak sinis... tidak ramai yang berminat dengan kejayaan ini (Jalur Gemilang)," katanya.

Selepas itu, beliau turut menyempurnakan pelepasan 300 peserta GP Joran anjuran Berita Harian Sdn Bhd di jeti Awana Porto Malai.

Menurut Dr Mahathir, ketiga-tiga kegiatan berkenaan yang turut membabitkan sektor swasta sebagai penganjur dan penaja adalah antara kegiatan positif yang perlu diberikan tumpuan rakyat.

Perdana Menteri berpuas hati terhadap kesediaan sektor swasta menaja bagi menjayakan kegiatan yang mampu menaikkan imej negara tetapi kesal kerana masih ramai yang terlalu mengharap bantuan kerajaan.

Menurutnya, jika rakyat ada maruah, mereka sendiri perlu memberi sumbangan seperti yang dilakukan oleh sektor swasta yang menaja pelayaran Jalur Gemilang.

Penaja utama pelayaran 40,000 kilometer mengelilingi dunia ialah Kumpulan Gapadu Sdn Bhd manakala penaja sokongan membabitkan Perna Corporation, Sapura Group, NTV7, Awana Porto Malai, Projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus), Bina Puri Holdings Sdn Bhd, MMS Miller Sdn Bhd, Dorlon (New Zealand) Ltd, AWL-Kote (Singapore) Pte Ltd dan Bloomingdale Advertising Sdn Bhd.

(END)